

AL-FALAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Abdul Mukti Bin Baharudin

abdulmukti@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Hajah Makiah Tussaripah binti Jamil

makiah@uitm.edu.my

UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban 3

ABSTRAK

Al-Quran merupakan panduan serta pedoman hidup yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan berkekalan hingga hari Kiamat. Sesiapa yang mengambilnya sebagai pegangan hidup, pasti tidak akan sesat dan menyimpang dari jalan yang sebenar. Di antara seruan dan ajaran al-Quran ialah mengajak manusia ke jalan kejayaan, iaitu al-falah. Seruan menuju kejayaan ini sudah pasti perkara yang amat diingini dan diimpikan oleh setiap manusia. Namun, disebabkan kejihilan umat manusia tentang konsep al-falah yang dinyatakan di dalam al-Quran, seringkali kejayaan itu hanya dilihat dari sudut material dan dunia semata-mata. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kalimah al-falah yang disebut di dalam al-Quran. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah berbentuk kualitatif. Penyelidik mendapati sebanyak 40 kali kalimah al-falah disebut di dalam al-Quran. Kalimah al-falah yang disebut didapati dalam bentuk yang pelbagai sama ada dalam bentuk kata nama dan kata kerja. Hasil kajian mendapati bahawa konsep al-falah dalam al-Quran ialah kejayaan hakiki yang dicapai oleh orang yang mematuhi dan mentaati segala perintah Allah s.w.t dan akan dimasukkan ke dalam syurga.

Kata Kunci: Al-falah, al-Quran, Kejayaan, Ketaatan, Syurga.

1.0 PENGENALAN

Setiap manusia menginginkan *al-falah* (kejayaan) dalam kehidupan mereka. Keinginan terhadap *al-falah* adalah merupakan kemuncak pencapaian dalam kehidupan insan. Tidak kira sama ada kejayaan itu sesuatu yang bersifat baik atau tidak. Namun secara umumnya, kejayaan itu difahami dalam satu konsep yang sempit dengan melihat kepada aspek dunia semata-mata. Sebagai contoh, kebanyakan manusia melihat kejayaan itu apabila mempunyai harta yang banyak, pangkat yang tinggi, anak yang ramai mahu pun pengaruh yang luas semata-mata. Sedangkan hakikat sebenarnya, semua itu tidak menjamin atau menggambarkan *al-falah* yang hakiki. Buktinya telah ramai manusia yang dianggap popular dan berjaya di dunia memilih untuk membunuh diri kerana kecewa dan berputus asa dengan kehidupan.

Justeru, kajian ini akan mengkaji maksud dan hakikat sebenar *al-falah* menurut Islam. Kajian ini akan memfokuskan kepada al-Quran kerana ia merupakan panduan hidup bagi setiap manusia. Di dalamnya terkandung segala garis panduan dan peraturan yang menjamin kejayaan hidup manusia. Di dalam Surah al-Mukminun sebagai contoh, Allah s.w.t. telah menggariskan beberapa ciri dan kriteria golongan yang berjaya di dunia dan di akhirat. Oleh itu, manusia hendaklah kembali

kepada al-Quran bagi memastikan kejayaan yang dicapai adalah bertepatan dengan konsep al-falah yang dikehendaki oleh Allah s.w.t.

2.0 DEFINISI AL-FALAH

Al-Falah merupakan kata nama terbitan (masdar) dari kata kerja *falah-a-yaflahu-fallahan-falhan* - فلاح - يفلح - فلحا و فلحا yang bererti keberhasilan atau memperolehi apa yang dikehendaki dan kejayaan. Ia juga memberi maksud mengolah, membelah, memecah atau membajak. (*Mu'jam al-Arabial-Asasi*, 1999). Menurut Ahmad (2000) dalam *Misbah al-Munir al-falah* membawa maksud kejayaan sebagaimana yang dilaungkan oleh muazzin “*Haiyya 'alal falah*” yang membawa maksud marilah ke jalan kelepasan, keselamatan dan kejayaan. Menurut Muhammad (1999) dalam *Mukhtar al-Sihah* pula, ia bermaksud kejayaan, berkekalan dan kelepasan. *Al-Falah* juga memberi maksud *al-suhur*, iaitu makan pada waktu sebelum fajar. Manakala *al-Falah* di dalam Bahasa Melayu membawa maksud kejayaan. Menurut Kamus Dewan (2007) kejayaan berasal dari perkataan jaya yang membawa maksud kemenangan dan berhasil.

Menurut Ibnu Manzur (1997) *al-falah* memberi maksud *al-fauz* (kejayaan), kelepasan dan berkekalan dalam nikmat dan kebaikan. Hans Wehr (1974) pula dalam A Dictionary of Modern Written Arabic menyatakan bahawa *falah* membawa maksud *to split, cleave, to plow, till, cultivate (the land)*. Mankala *faloh* bermaksud *thriving, prosperity; salvation; welfare; success*. Bagi maksud perkataan *fallah* pula, ia membawa makna *tiller of the soil; peasant and farmer*. Daripada definisi-definisi berikut, dapatlah disimpulkan bahawa *al-falah* memberi maksud kejayaan yang dicapai dengan usaha yang gigih sebagaimana petani (*al-fallah*) yang membajak tanah bagi tujuan menanam tanaman dan memperoleh hasil yang memuaskan.

Menurut M. Quraish Shihab (2002), *al-falah* bererti memperoleh apa yang diinginkan, atau dengan kata lain kebahagiaan. Seseorang hanya akan dianggap telah merasakan bahagia sekiranya ia mendapat apa yang ia inginkan. Namun, sesuatu yang dianggap sebagai kebahagiaan tidak akan menjadi kebahagiaan kecuali dengan syarat ia mesti sesuatu yang dihajatkan dan bersesuaian dengan hakikat dan keperluan. Di samping itu Ahmad Musthafa Al-Maraghi (2001) pula menjelaskan bahawa *al-Mufligh* pula ialah orang yang berjaya iaitu orang yang berjaya mendapat apa yang diingini selepas berusaha bersungguh-sungguh, seolah-olah wujud perkara baru dan perkara itu tidak akan hilang dari genggamannya.

3.0 KALIMAH AL-FALAH DI DALAM AL-QURAN

Sebagaimana yang telah dijelaskan, *al-falah* merupakan impian dan keinginan setiap manusia. Justeru al-Quran telah memberikan garis panduan *al-falah* yang hakiki kepada manusia agar mereka tidak silap dalam mencapainya. Menurut *Mu'jam al-Mufihris lil Alfazhil Quran*, Di dalam al-Quran, kalimah *al-falah* telah disebut sebanyak 40 kali. Ia disebut dengan pelbagai bentuk iaitu *fi'il madhi*, *fi'il mudhari'* dan *ism (fa'il)*.

BIL	BENTUK	KALIMAH	AYAT
1.	<i>Fi'il Madhi</i>	<i>Aflaha</i> (أَفْلَحَ)	Surah Tahaa: 64 Surah Al-Mukminun: 1

			Surah Al-A'laa: 14 Surah Asy-Syams: 9
2.	<i>Fi'il Mudhari'</i>	<i>Yuflihu</i> (يُفْلِحُ)	Surah Tahaa: 69 Surah Al-Mukminun :117 Surah Yusuf :23 Surah Al-An'am: 21, 35 Surah Yunus: 17,77 Surah Al-Qasas: 37, 82
		<i>Yuflihun</i> (يُفْلِحُونَ)	Surah Yunus :69 Surah An-Nahl: 116
		<i>Tuflihuu</i> (تُفْلِحُوا)	Surah Al-Kahf :20
		<i>Tuflihun</i> (تُفْلِحُونَ)	Surah Al-Baqarah: 189 Surah Al-Imran: 130, 200 Surah Al-Maidah :35,90,100 Surah Al-A'raf: 69 Surah Al-Anfal: 45 Surah Al-Jumuah: 10 Surah Al-Hajj: 77 Surah An-Nur: 31
3.	<i>Ism (Fa'il)</i>	<i>Al-Muflihun /Al Muflihin</i> (المُفْلِحُينَ / المُفْلِحُونَ)	Surah Al-Mukminun: 102 Surah Al-Baqarah: 5 Surah Al-Imran: 104 Surah Al-A'raf: 8,157 Surah An-Nur: 51 Surah At-Taubah: 88 Surah Ar-Ruum: 38 Surah Luqman: 5 Surah Al-Mujadalah: 22 Surah Al-Hasyr: 9 Surah At-Taghabun: 16 Surah Al-Qasas: 67

Daripada jadual di atas, dapat disimpulkan bahawa kalimah *al-falah* di dalam Al-Quran telah disebut sebanyak 4 ayat dalam bentuk *fi'il madhi*, 23 ayat dalam bentuk *fi'il mudhari'* dan 13 ayat dalam bentuk *ism (fa'il)*. Kepelbagaiannya ini membuktikan kehebatan dan kemukjizatan al-Quran yang Allah turunkan.

4.0 KONSEP AL-FALAH DI DALAM AL-QURAN

Al-Quran amat menitik beratkan kepentingan *al-falah* dalam kehidupan seseorang muslim. Ini dapat dilihat menerusi ayat-ayat yang membicarakan tentang *al-falah*. Daripada analisis ayat-ayat yang menyebut kalimah *al-falah* di dalam Al-Quran, Allah s.w.t. telah membahagikan manusia kepada dua golongan iaitu mereka yang berjaya dan mereka yang tidak berjaya. Kedua-dua golongan ini pula mempunyai ciri-ciri tertentu yang membezakan antara keduanya.

Berikut adalah ciri-ciri golongan yang berjaya dan mencapai *al-falah* sebagaimana yang disebut di dalam Al-Quran.

Bil	Ciri-Ciri Golongan Yang Mencapai <i>Al-Falah</i>	Ayat / Surah
1.	Mendirikan solat	Al- Mukminun : 2 Al-Hajj : 77 Al-Jumaah : 10 Al-Baqarah : 3 Luqman : 4
2.	Taat dan beramal soleh	Al-‘Alaa : 14 As-Syams : 9 Al-Maaidah : 35 Al-Hajj : 77 An-Nur : 51 A-Taghabun : 16 Al-Qasas :67
3.	Bertakwa kepada Allah s.w.t.	Al-Baqarah : 189 Al-Maaidah : 35 Al-Maaidah : 100 A-Taghabun : 16
4.	Tidak memakan riba	Ali-Imraan : 130
5.	Berjihad fi sabilillah	Al-Maaidah : 35 Al-Anfaal : 45 At-Taubah : 88
6.	Tidak minum arak	Al-Maaidah : 90
7.	Tidak berjudi	Al-Maaidah : 90
8.	Tidak mensyirikkan Allah s.w.t.	Al-Maaidah : 90 Al-Hajj : 77
9.	Tidak menilik nasib	Al-Maaidah : 90
10.	Bersyukur dengan nikmat Allah s.w.t.	Al-A’raf : 69
11.	Menjaga pandangan & menutup aurat	An-Nur : 31
12.	Berzikir kepada Allah s.w.t.	Al-Jumaah : 10
13.	Beriman kepada perkara ghaib dan hari akhirat	Al-Baqarah : 3 Luqman : 4 Al-Mujadilah : 22
14.	Bersedekah	Al-Baqarah : 3 Ar-Rum : 38 Al-Hasyr : 9 A-Taghabun : 16
15.	Beriman dengan kitab-kitab yang diturunkan	Al-Baqarah : 3
16.	Menyeru kepada kebaikan	Ali-Imraan : 104
17.	Menyuruh kepada <i>makruf</i> dan mencegah kemungkaran	Ali-Imraan : 104 Al-A’raf : 157
18.	Mentaati Rasulullah s.a.w.	Al-A’raf : 157
19.	Menunaikan zakat	Al-A’raf : 157

		Al- Mukminun : 4
20.	Bertaubat	Al-Qasas :67
21.	Menjauhi perbuatan yang sia-sia	Al- Mukminun : 3
22.	Tidak melakukan zina	Al- Mukminun : 5
23.	Menunaikan amanah dan janji	Al- Mukminun : 8

Berdasarkan ciri-ciri golongan yang berjaya menurut al-Quran di atas, bolehlah disimpulkan bahawa segala perkara yang menjadi asas kejayaan seorang muslim adalah gabungan kesempurnaan akidah, syariat dan akhlak. Kefahaman tentang ketiga-tiga asas ini pula tidak akan dapat diperolehi kecuali dengan jalan menuntut ilmu (Ahmad, 2011). Ini kerana ketiga-tiga ini merupakan asas paling utama ajaran Islam. Akidah membawa maksud ilmu yang menyelidiki dan memeriksa kepercayaan seseorang berkaitan dengan ketuhanan, kerasulan dan *sam'iyyat (ghaibiyat)* dengan dalil-dalil *yaqiniyyah aqliyyah* dan *naqliyyah* yang boleh menghilangkan semua keraguan yang ada di dalam hati seseorang manusia. (Said, 1998; Mustafa, tt). Justeru awal-awal agama itu ialah mengenal Allah s.w.t.

Akidah menjadi tunjang kepada segala penerimaan amalan syariat dan juga kesempurnaan akhlak. Faedah ilmu tauhid atau juga dikenali dengan ilmu usuluddin ini adalah untuk melepaskan diri seseorang dari syirik dan kufur yang sangat dimurkai Allah s.w.t. serta mencapai makrifatullah dengan dalil-dalil yang kukuh sehingga membawa kepada kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat (Angah Sunan, 2010; Muhammad Thaib, 2010; K.H. Sirajuddin, 2013). Ianya juga dapat menjadi benteng yang kukuh dalam menghadapi syubhat-syubhat dalam bab kepercayaan dan pemikiran. Dengan memahaminya, mampu menyelamatkan manusia dari melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan dan membinasakan keislaman mereka (Jaafar, 2014).

Sekiranya seseorang itu melakukan amal ibadat seharian, tetapi tidak mempunyai akidah yang betul dan sempurna serta bergelumang dengan perbuatan syirik, khurafat dan tasyul, maka sudah tentu ibadat yang dilakukan akan ditolak oleh Allah s.w.t. Ini kerana Allah s.w.t. tidak akan mengampunkan dosa hambaNya yang melakukan dosa syirik iaitu menyekutukanNya dengan sesuatu yang lain. Adalah menjadi kewajipan atas semua umat manusia tidak kira lelaki maupun perempuan untuk menuntut ilmu bagi mengenal Allah (*makrifatullah*) (Ibrahim, 2000). Hanya dengan mengenal Allah s.w.t. melalui jalan ilmu yang benar sahaja mampu menyelamatkan seseorang dari melakukan dosa yang merosakkan iman dan amal ibadah. Sesungguhnya, pengajian tentang tauhid atau akidah merupakan pengajian yang paling utama dan asas penting yang perlu dilakukan oleh umat Islam (Abdul, 2015). Hukum belajar dan mengajarkan ilmu ini pula adalah wajib pada hukum syara' (Zainul Abidin, 2011).

Ini kerana, nilai *al-falah* itu bukan hanya dilihat melalui banyaknya amal ibadah seseorang semata-mata, tetapi wajib didasari dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t. Perkara ini telah dijelaskan oleh Al-Ghazali (2016) dalam kitabnya *Minhaj al-Abidin*:

“Justeru itu maka awal-awal yang wajib ke atas anda ialah mengenal (Allah) Tuhan yang disembah, kemudian (baharulah) anda beribadat kepadaNya. Bagaimana anda (dapat) beribadat kepada (Allah), sedangkan anda tidak mengetahui nama-namaNya, sifat-sifat zatNya dan perkara yang wajib bagiNya, serta apa (pula) yang mustahil pada sifatNya. Barangkali (dengan ketiadaan ilmu dan makrifat) anda mungkin beriktiad pada Allah”

s.w.t. dan pada sifat-sifatnya dengan sesuatu yang menyalahi (iktikad) yang sebenar, wal-'iyazubillah. Maka (dengan ikтиkad yang salah itu) menjadikan ibadat anda (sia-sia seolah-olah) debu yang bertaburan”.

Seterusnya akidah yang sahih itu seharusnya dizahirkan dalam bentuk amalan dan tindakan. Menunaikan solat, mengeluarkan zakat, bersedekah, berjihad di jalan Allah s.w.t., menjaga pandangan mata, menutup aurat, tidak makan riba, tidak minum arak dan tidak berjudi merupakan sebahagian daripada syariat yang menunjukkan kepatuhan seseorang hamba kepada Tuhanya dan dapat mencegahnya daripada kezaliman. Al-Zarnuji (2016) dalam kitabnya menukikan sebuah syair yang berbunyi:

“Berusahalah dalam mendapatkan ilmu fikah, kerana ilmu fikah itu adalah sebaik-baik panduan kepada kebajikan dan ketakwaan dan seadil-adil benda yang adil (kerana ilmu fikah menerangkan syari'at dan hukum yang tidak terdapat kezaliman di dalamnya). Ia suatu ilmu yang memandu manusia ke jalan yang mendapat petunjuk Tuhan, juga sebagai kubu pertahanan yang menyelamatkan penuntutnya daripada segala kecelakaan kejahilan. Sesungguhnya seseorang ahli fikah yang warak (yang dapat mengawal diri daripada perkara yang haram) itu, menjadikan syaitan tersangat marah berbanding dengan seribu ahli ibadat yang tidak arif ilmu fikah.”

Asas Islam yang ketiga yang akan membawa kepada *al-falah* ialah akhlak yang terpuji yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah. Bahkan di antara matlamat Rasulullah SAW diutuskan sebagai rasul adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia, sebagaimana sabdanya:

“Sesungguhnya aku dibangkitkan untuk melengkapkan budi pekerti yang mulia.”

Menurut Muhammad (1998), seolah-olah kerasulan baginda s.a.w. yang telah meninggalkan kesannya yang nyata dan mendalam dalam sejarah manusia dan dengan segala kesungguhan yang ditumpukan dalam perjuangannya menegakkan dakwahnya serta menyatupadukan manusia di sekelilingnya, tidak bertujuan selain dari meneguhkan binaan budi pekerti mereka dan membukakan pintu kesempurnaan kepada mereka agar mereka berjalan dan memasukinya dengan penuh kesedaran.

Oleh itu akhlak-akhlak terpuji yang telah dinyatakan di dalam al-Quran seperti bertaubat kepada Allah s.w.t., meninggalkan perbuatan yang sia-sia dan menunaikan amanah serta janji merupakan sebahagian daripada komponen yang melengkapkan *al-falah* seseorang individu muslim sama ada di dunia maupun di akhirat. Hanya apabila seseorang muslim itu mempunyai ketiga-tiga ciri akidah, syariat dan akhlak, barulah ia mencapai makna *al-falah* yang sebenar menurut al-Quran. Sekiranya tidak, maka segala bentuk kejayaan yang diperolehinya bukanlah *al-falah* yang hakiki.

Dalam masa yang sama, penggunaan kalimah *al-falah* di dalam al-Quran juga merujuk kepada golongan yang tidak berjaya. Antara ciri-ciri golongan ini ialah:

Bil	Ciri-Ciri Golongan Yang Tidak Mencapai <i>Al-Falah</i>	Ayat / Surah
1.	Mereka yang mendusta kepada Allah dan ayat-ayat-Nya	Al- An'aam : 31 Yunus : 17

		Yunus : 69
		An-nahl : 116
2.	Mereka yang menentang Islam	Al- An'aam : 135
3.	Orang yang zalim	Yusuf : 23
		Al-Qasas : 37
4.	Syirik dan kafir	Al-Mukminun : 117
		Al-Qasas : 82
5.	Melakukan sihir	Yunus : 77
		Toha : 69

Berdasarkan ayat-ayat di atas golongan yang tidak mencapai kejayaan (*al-falah*) ialah mereka yang melakukan syirik, sihir dan mendustakan Allah s.w.t. Allah s.w.t juga telah mempertegaskan bahawa syirik itu merupakan kezaliman yang besar dan tidak diampunkan olehNya. Syahrin (2011) turut menegaskan bahawa mengenal Allah s.w.t. sangat penting kerana jika tidak, manusia akan mudah terjerumus dengan dosa dan amalan syirik seperti memuja kubur, menggunakan pawang dan lainnya. Tambahan lagi, masyarakat di kepulauan Melayu terdedah dengan amalan khurafat dan syirik kesan dari pengaruh agama Hindu, Buddha dan juga animisme yang melakukan pemujaan kepada semangat, roh, makhluk ghaib dan sebagainya (Jahid Sidek, 2004).

Menurut Ibrahim (2006), sihir berlaku apabila bersatunya penyihir dengan syaitan agar penyihir melakukan perbuatan-perbuatan yang diharamkan atau perbuatan syirik dengan imbalan atau balasan supaya syaitan membantunya dan menurut apa yang dia minta. Sesungguhnya memang hakikat syaitan itu sentiasa melanggar dan mencanggahi segala perintah Allah s.w.t (Abdul Hamid, 2010). Maka, apabila seorang manusia mengikuti kehendak syaitan, ini bermakna manusia itu telah menderhakai Allah s.w.t. (Wahid, 2008).

Mereka-reka dan menisahkan sesuatu itu kepada Allah s.w.t., sedangkan ia adalah rekaan dan ciptaan manusia adalah perbuatan yang amat keji. Inilah yang telah dilakukan oleh golongan Yahudi dan Nasrani dalam ajaran mereka. Mereka mendakwa ajaran dan syariat yang diamalkan itu datang daripada Allah s.w.t. Namun hakikatnya ia adalah ciptaan ahli agama mereka. Oleh itu, golongan yang mendustakan Allah s.w.t. disebut sebagai golongan yang tidak berjaya di dunia dan di akhirat.

5.0 KESIMPULAN

Sebagai umat Islam, al-Quran wajib dijadikan panduan utama dalam kehidupan. Segala aspek dan urusan kehidupan manusia sama ada bagi tujuan manfaat di dunia mahu pun di akhirat telah digariskan dengan jelas di dalam al-Quran. Panduan yang telah ditetapkan di dalam al-Quran ini termasuklah juga penjelasan berkenaan hakikat *al-falah* yang sebenar di dalam Islam. Kesimpulannya, mereka yang benar-benar ingin mencapai *al-falah* yang hakiki di dunia dan akhirat perlu melengkapkan diri mereka dengan kefahaman dan amalan yang berlandaskan kepada kesempurnaan akidah, syariat dan juga akhlak. Kombinasi ketiga-tiga elemen ini bagi seorang mukmin yang bertakwa adalah amat penting tanpa ada sedikit pun kelonggaran atau kompromi diberikan. Sesungguhnya, hanya orang yang berat timbangan amal kebaikannya dan diganjari dengan syurga Firdaus adalah mereka yang benar-benar mendapat *al-falah*. Sebagaimana firman Allah swt di dalam Surah Al-A'raaf ayat 8 dan ayat 102 Surah Al-Mukminun yang bermaksud:

“Timbangan pada hari itu ialah kebenaran (keadilan), maka barang siapa berat timbangan kebaikannya, mereka itulah orang-orang yang beruntung. Dan siapa yang ringan timbangan kebaikannya, maka itulah orang-orang yang merugikan dirinya sendiri, disebabkan mereka selalu mengingkari ayat-ayat Kami”.(Al-A’raaf: 8)

“Barangsiaapa yang berat timbangan (kebaikan)nya, maka mereka itulah orang-orang yang dapat keberuntungan”. (Al-Mukminun: 102)

6.0 RUJUKAN

- Abdul Ar-Razzaq bin Abdul al-Muhsin. 2015. *Tauhid Rububiyah, Uluhiyah, Asma' dan Sifat, Bidaah dan Menyerupai Triniti?*. Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd.
- Abdul Hamid Al-Bilali. 2010. *Pintu-Pintu Syaitan*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri.
- Ahmad bin Muhammad bin Ali Al Fayyumi. 2000. *Misbah al-Munir*. Kaherah : Darul Hadith.
- Ahmad bin Qudamah. 2011. *Ringkasan Kitab Jalan Mereka Yang Menuju Allah*. Terengganu: Rangkaian Berkat Sdn Bhd & Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Ahmad Mustafa Al-Maraghiy. 2001. *Tafsir Al-Maraghiy*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Zarnuji. 2016. *Taalim Al-Mutaallim Thariqa At-Taallum*. Kelantan: Jabal Maraqqi Sdn Bhd
- Angah Sunan. 2010. *Risalah Al Baijuri Fil Tauhid Terjemahan dan Syarahan*. Selangor: Sunan Press PLT
- Fouzi Al-Anjari & Hamdi Sinan Al-Masri. 2013. *Al-Asya'irah: Akidah Sebenar Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Selangor: AlHimna Enterprise.
- Hans Wehr. 1974. *A Dictionary of Modern Written Arabic*. Beirut : Maktabah Lubnan.
- Ibnu Manzur.1997. *Lisan al-Arab*. Jilid 5. Beirut : Dar Sodir.
- Ibrahim Abdul Alim Abdul Bar. 2006. *Kajian Terperinci Kerasukan Syaitan & Sihir: Panduan Berubat Dan Bid'ah Semasa Rawatan*. Kuala Lumpur: Jasmine Enterprise.
- Ibrahim Al Laqqoni. 2000. *Permata Ilmu Tauhid: Satu Pendalamkan Terhadap Iktiqad ahlus Sunnah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn Bhd.
- Jaafar Salleh. 2014. *Fardhu Ain Tauhid: 6 Rukun Iman*. Batu Caves, Selangor: Pustaka Al-Ehsan.

- Jahid Sidek. 2004. *Berpawang dan Bersahabat Dengan Jin Daripada Perspektif Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Jamaah min Kibar al-Lughawiyyun Al-Arab. 1999. *Mu'jam al-Arabi al-Asasi*. Larus.
- Kamus Dewan. 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- K.H. Sirajuddin Abbas. 2013. *I'itiqad Ahlussunnah Wal Jama'ah*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- M. Quraish Shihab 2002. *Tafsir Al-Misbah Pesan, Kesan, dan Keserasian Al-Qur'an*. Jilid X. Jakarta: Lentera Hati.
- Muhammad al-Ghazali. 1998. *Akhlaq Muslim*. Terengganu: Yayasan Islam.
- Muhammad Al-Ghazali. 2016. *Jalan Para 'Abid*. Selangor: Pustaka Darul Iman.
- Muhammad bin Abi Bakar bin Abdul Qadir. 1999. *Mukhtar al-Sihah*. Beirut : Dar Ihya' Al-Turath al-Arabi.
- Muhammad Fuad Abdul Baqi. 1996. *Mu'jam al-Mufihris lil Alfazhil Quran*. Kaherah: Darul Hadith
- Muhammad Thaib bin Mas'udil Banjaari. 2010. *Anak Kunci Syurga*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Mustafa Sa'id Al-Khin Muhyiddin Dib Misto. tt. *Aqidah Islamiyyah*. Negeri Sembilan : Jabatan Mufti Kerajaan Negeri.
- Said Ibrahim. 1998. *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur: Darul Makrifah
- Syahrin bin Jasah. 2011. *Sifat Dua Puluh Asas Untuk Mengenal Allah*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Wahid Abdul Salam. 2008. *Perisai Kebal Untuk Menangkis Kejahatan Jin & Syaitan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Nurulhas.
- Zainul Abidin bin Muhammad. 2011. *Aqidatun Najin Fi Ilmi Usuliddin*. Selangor: Al-Hidayah Publications.